



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**18 Mac 2021
4 Syaban 1442h**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Rohingya 'kuasai' Kuala Kedah, Sala
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Pendapatan peserta PROSPEK meningkat 30 peratus
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Pastikan nelayan darat tidak terjebak rasuah
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernamea	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			18/3/2021	12
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			

12

UTUSAN MALAYSIA
KHAMIS • 18 MAC 2021

Dalam Negeri

Rohingya 'kuasai' Kuala Kedah, Sala

Oleh Zaid Mohd. Noor
zaidmohdnoor@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Lebih 2,000 warganegara Myanmar etnik Rohingya dikatakan menjadi nelayan dengan menggunakan bot sendiri dan disewa di Kuala Kedah serta Kuala Sala, dekat sini sejak lebih 20 tahun lalu.

Sebahagian mereka juga bekerja sebagai tekong dan awak-awak bot milik rakyat tempatan yang menjalankan tangkapan siput retak seribu dengan menggunakan pukuk sorong serta pukuk tunda secara haram.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), **Che Ani Mat Zain** berkata, kebanyakan nelayan etnik Rohingya itu dipercayai bertaraf penduduk tetap dan memiliki MyKad.

Menurutnya, sebahagian daripada mereka juga dipercayai mempunyai kad Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) selain terdapat dalam kalangan mereka pendatang asing tanpa izin (PATI).



KERJA-KERJA pembersihan dan pengedaran siput retak seribu di sebuah jeti di Kuala Kedah semalam yang antara turut dilakukan oleh warga dari etnik Rohingya. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

"Sebahagian warga Myanmar etnik Rohingya itu juga didakwa menjalankan aktiviti menangkap ikan di pesisiran pantai tanpa

lesen.

"Namun, bagaimana mereka boleh beroperasi tanpa diambil tindakan oleh pihak penguat

kuasa di negara ini?" soalnya.

Che Ani berkata, sebahagian nelayan etnik Rohingya itu juga menjual ikan dan siput retak

seribu kepada pemilik-pemilik bot tempatan.

"Pihak penguat kuasa perlu mengambil tindakan tegas terhadap nelayan-pelayan etnik Rohingya terbahut memandangkan aktiviti mereka itu semakin berleluasa," katanya di sini semalam.

Selain itu, katanya, penguasaan pukuk sorong dan pukuk tunda oleh mereka boleh memusnahkan hidupan laut termasuk batu karang dan ekosistem laut.

Beliau berkata, Jaring mendedahkan kerajaan supaya mengambil tindakan serius terhadap nelayan asing itu.

Sementara itu, seorang tempatan yang mahu dikenali **Abrahim** 42, berkata, beliau kesal aktiviti menangkap siput retak seribu semakin berleluasa di pengairan Kuala Kedah.

Menurutnya, perkara tersebut sepatutnya dipantau ketat oleh pihak berkuasa terlibat.

Malah, katanya, kebanyakan kaum wanita warga Rohingya itu juga bekerja di beberapa jeti di sekitar Kuala Kedah.

"Mereka melakukan kerja-kerja pembersihan dan pengedaran siput retak seribu," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			18/3/2021	7
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL					

Pendapatan peserta PROSPEK meningkat 30 peratus

PENDUDUK di Mukim Sidam Kanan, Padang Serai di Kulim, Kedah gembira kerana berjaya meraih pendapatan tambahan menerusi PROSPEK yang diceburi mereka sejak tiga tahun lalu.

Pengetusi Koperasi Nelayan Darat Mukim Sidam Kanan Berhad, Soaid Bakar, 58, berkata, koperasi mengusahakan projek ternakan ikan air tawar di bawah PROSPEK sejak awal tahun lalu.

"Koperasi menerima peruntukan sebanyak RM18,000 daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar menerusi PROSPEK untuk menyediakan sembilan sangkar ikan di kolam ternakan ini.

"Alhamdulillah, koperasi mendapat hasil pertama pada Jun tahun lalu sebanyak kira-kira 500 kilogram (kg) ikan tilapia, keli dan baung," katanya ketika ditemui di kolam ternakan ikan di Kampung Terat Batu, Mukim Sidam Kanan semalam.



HENRY (tengah) menangkap ikan tilapia di kolam ternakan ikan di Kampung Terat Batu, Mukim Sidam Kanan.

Terdahulu, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Henry Sum Agong membuat lawatan ke tapak projek ternakan ikan air tawar tersebut yang merupakan salah satu projek di bawah PROSPEK di Mukim Sidam Kanan.

Tambahnya, projek berkenaan diselia oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan

pihaknya merancang untuk menambah sangkar ikan pada masa akan datang.

Pengusaha ternakan burung puyuh, Shamsuddin MK. Abd. Rahman berkata, dia menerima bantuan mesh pengeraman telur atau inkubator dan peralatan lain bernilai RM20,000 menerusi PROSPEK.

"Saya bersyukur kerana



PROJEK ternakan burung menjadi salah satu projek yang berjaya meningkatkan taraf hidup penduduk kampung.

menjadi salah seorang peserta PROSPEK dan berazam untuk terus meningkatkan lagi pemliagaan ini," ujarnya yang mula menternak burung puyuh sejak 2009.

Sementara itu, peniaga yang juga penduduk Kampung Guar Lobak, Fadzilah Musa berkata, dia seronok apabila PROSPEK dibuka di kampung tersebut.

"Saya tidak lagi perlu berniaga barangan terpakai di pasar kawat di pekan Kulim kerana di kampung sendiri sudah ada PROSPEK yang selesai.

"Selain pasar karat, di tapak ini juga adalah pelbagai jenis pemliagaan termasuk pasar tani menyebabkan kawasan ini menjadi tumpuan ramai," tambahnya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO 1		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			18/3/2021	12
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL					

Pastikan nelayan darat tidak terjebak rasuah

IPOH - Persatuan Nelayan Ikan Air Tawar (Peniat) akan berusaha memastikan ahli mereka yang terdiri daripada nelayan darat tidak terlibat dengan rasuah.

Yang Dipertuanya, Sairul Nizam Mohamad Salleh berkata, biarpun nelayan darat di kawasan sekitar Sungai Galah, Kampung Galah tidak pernah berdepan situasi diugut atau diberikan suapan tertentu, namun pihaknya tetap berwaspada.

Menurutnya, kegiatan rasuah yang berlaku di negara ini merupakan masalah yang boleh merosakkan sis-

tem ekonomi dan sosial.

"Pada pandangan saya, keadaan rasuah di negara ini tidak terlalu kritikal namun tetap memberi kesan kepada semua sektor.

"Gejala rasuah berlaku disebabkan kurangnya pendidikan agama, gopoh melakukan sesuatu tindakan dan tamak dalam mengaut keuntungan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sairul Nizam berkata, di peringkat Peniat, pihaknya akan berusaha menerapkan nilai-



SAIRUL NIZAM

nilai baik dalam kalangan ahli supaya mereka menolak rasuah.

Katanya, akhlak dan peribadi ahli akan cuba dikawal dengan panduan agama supaya gejala rasuah tidak membarah dalam komuniti.

Menurut beliau, dalam usaha

mengawal gejala rasuah ini, undang-undang sedia ada sudah mencukupi namun penguatkuasaan harus lebih dipertingkatkan lagi.